

06 NOV 2001

DR MAHATHIR NAFI MALAYSIA RAKAM PERAMPAS PESAWAT

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa pihak berkuasa Malaysia telah merakamkan pergerakan orang yang disyaki terlibat dalam serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

"Setahu kami, kami tidak ada pita rakaman itu," katanya pada sidang berita ketika ditanya mengenai laporan agensi berita asing dari Washington semalam bahawa pihak berkuasa keselamatan Malaysia membuat rakaman orang yang disyaki itu di Kuala Lumpur pada Januari tahun lepas.

Menurut laporan yang memetik sumber tidak dinamakan itu, ejen perisikan di Asia Barat telah menyoal seorang lelaki disyaki anggota rangkaian al-Qaeda yang dilihat mengadakan pertemuan di Malaysia dengan Khalid Almihdhar, orang yang disyaki merampas pesawat penumpang yang digunakan untuk serangan di Amerika itu, serta dengan penyokong-penyokong Osama bin Laden.

"Baru inilah saya mendapat tahu tentang perkara ini daripada kamu," kata Dr Mahathir kepada pemberita.

Beliau berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Asean selama dua hari berakhir hari ini.

-- BERNAMA

DC MAI